

## **MAJLIS MENANDATANGANI MEASAT-1**

HOTEL ISTANA, KUALA LUMPUR, 17 MEI 1994

Saya mengucapkan terima kasih kepada Syarikat Binariang Sdn Bhd kerana menjemput saya ke majlis menandatangani kontrak bagi projek satelit serantau yang akan dapat mengubah corak komunikasi di negara kita pada masa depan.

2. Malaysia akan melancar dan mengendalikan satelit serantaunya yang pertama, iaitu Satelit Asia Timur Malaysia (MEASAT) tidak lama lagi. Pada mulanya, Kerajaan diberi jaminan hanya satu satelit akan dilancarkan tetapi majlis menandatangani perjanjian ini melibatkan dua satelit dalam sistem MEASAT. Saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Telekom Malaysia (JTM) dan MEASAT atas usaha mereka membawa satelit MEASAT ini menjadi kenyataan kerana ia akan mengukuhkan kedudukan strategik Malaysia di peringkat antarabangsa masa ini dan pada masa depan. Kerajaan gembira dengan kerjasama di antara konsortium MEASAT dengan rakan-rakan teknologi seberang lautnya dalam memajukan sistem satelit ini bagi memenuhi keperluan dan peraturan komunikasi Kerajaan. Kajian yang meluas telah dilakukan untuk rekaan dan menetapkan konfigurasi MEASAT dan hasilnya itu ialah yang pertama bagi Asia Timur.

3. MEASAT bukan sahaja akan menjadi sebahagian daripada keperluan telekomunikasi dan penyiaran Malaysia tetapi juga akan menjadi pusat komunikasi serantau yang berpangkalan di Malaysia. Dengan adanya satelit MEASAT ini hubungan komunikasi di seluruh Malaysia tidak akan mempunyai batas lagi termasuk hubungan dengan kawasan-kawasan pendalaman yang jauh. Malah ia menjangkau ke kawasan-kawasan luar dari Malaysia iaitu yang dapat diliputi oleh satelit MEASAT. Ini akan merapatkan lagi hubungan negara kita dengan negara-negara jiran di samping meningkatkan hubungan dengan India dan negara-negara lain di Asia. Sebagai satu sistem satelit serantau, MEASAT akan memainkan peranan utama dalam sumbangan Malaysia terhadap pembangunan komunikasi di Asia.

4. Ini telah diakui semasa mesyuarat-mesyuarat koordinasi yang diadakan bersama negara-negara berkenaan sepanjang 18 bulan lalu. Untuk pelancaran satelit kedua dalam sistem satelit MEASAT ini dalam tahun 1996, Malaysia mengalu-alukan penyertaan pihak-pihak serantau yang lain. Kerajaan akan menggalakkan MEASAT untuk melabur dalam satelit-satelit lain yang dilancarkan oleh negara-negara Asia. Kerajaan mahukan hubungan komunikasi serantau ini bergantung dan berkait di antara satu dengan lain dan berupaya memelihara nilai-nilai tradisi kita.

5. Yang paling penting, MEASAT akan membawa Malaysia ke dalam era baru perkhidmatan penyiaran secara teratur. MEASAT akan

merintis penggunaan transponder Rangkaian-KU (Ku-band) yang dahulunya dianggap tidak sesuai di rantau Asia kerana penerimaan oleh antena kecil di rumah-rumah tidak sempurna akibat hujan lebat. Sistem satelit yang lain di rantau ini hanya beroperasi dalam Rangkaian-C bagi telekomunikasi analog dan penggunaan penyiaran, yang memerlukan antena dan sistem kabel berkaitan yang besar. MEASAT telah direka dengan teknologi yang terkini termasuk penggunaan modulasi digital, teknik tekanan dan 'encryption' iaitu penyiaran kandungan rancangan yang boleh dikodkan. Penduduk negara ini tidak lama lagi akan dapat menggunakan perkhidmatan Terus ke Pengguna atau Direct to User (DTU) melalui Rangkaian-Ku di mana hanya penerima yang dibenarkan boleh mendapat rancangan-rancangannya.

6. Sistem DTU yang direka oleh MEASAT dan Hughes bukan sahaja akan memberi mutu siaran dan penerimaan yang tinggi. Teknologinya telah membolehkan Kerajaan melesenkan MEASAT di bawah Akta Penyiaran, tidak seperti siaran Rangkaian-C dari seberang laut yang tidak boleh dikawal. Satu lagi 'safeguard' ialah sebarang satelit lain yang ingin memasukkan Malaysia dalam liputannya perlu menyelaraskannya dengan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Oleh itu, kemasukan sebarang sistem baru yang setaraf dengan Rangkaian-KU ke Malaysia akan tertakluk kepada dasar-dasar negara ini.

7. Sekarang terdapat satu konsep baru yang agak pelik yang cuba diketengahkan iaitu sebarang negara tidak mempunyai hak untuk mengawal siaran satelit kepada rakyatnya. Kononnya adalah tidak demokratik siaran seperti ini ditakluk di bawah undang-undang tempatan. Sebenarnya sejak radio dicipta tidak sekalipun frekuensi siaran tidak pernah dikawal oleh Kerajaan. Lagipun Kerajaan berhak untuk mengutip hasil daripada siaran-siaran dalam negaranya.

8. The Malaysian Government has always been cautious in licensing communications technologies due to our concerns about securing the nation's cultural and social integrity. The broadcasting licences of Measat Broadcast Network Systems Sdn. Bhd. will incorporate the customary conditions of the Ministry of Information. Furthermore, the MEASAT consortium is committed to build a regional broadcasting centre in Malaysia for video and audio broadcasts. Utilising the rights negotiated by MEASAT with countries within its footprint, the group has given an undertaking to the Government of Malaysia and the other administrations in the region, to build a truly Asian broadcasting network. Malaysia will lead the region in using the Measat design technology effectively to licence satellite broadcasting, and deliver consumer-oriented DTU services.

9. Selain daripada rancangan-rancangan berita dan hiburan, perkhidmatan DTU boleh juga digunakan untuk tujuan pendidikan yang sentiasa mendapat perhatian utama Kerajaan. Siaran program-program pendidikan ke sekolah-sekolah, institusi pendidikan tinggi dan universiti-universiti di seluruh negara dan negara-negara yang diliputi oleh MEASAT boleh mengatasi kekurangan sumber-sumber pengajaran sekarang. Selain daripada itu, perkhidmatan-perkhidmatan DTU akan membolehkan kita memaju dan meningkatkan mutu pendidikan di kawasan luar bandar. Dalam sektor perniagaan, perkhidmatan-perkhidmatan DTU akan memberi kesan yang besar daripada segi penyediaan berita terkini di rantau ini, 'video conferencing' dan penghantaran data-data kewangan dengan pantas.

10. Malaysia pada hari ini perlu berfikir secara 'global'. "Not global imports but global exports. Not just exports of commodities and manufactured goods, but exports of services derived from talent and brainpower."

11. Akhir sekali saya mengucapkan selamat maju jaya kepada Konsortium MEASAT dalam usahanya menyedia dan mengendalikan satelit yang inovatif. MEASAT akan mempelopori teknologi siaran di rantau ini. Usaha-usaha seperti ini mempunyai risikonya, tetapi saya yakin ia tidak merugikan jika MEASAT boleh mencapai matlamat-matlamat yang telah ditetapkan olehnya. Sekian.